

**PENGUNAAN BUKU TEKS
SECARA BERKESAN DALAM PENGAJARAN DAN
PEMBELAJARAN SEJARAH UNTUK MURID BERPRESTASI
RENDAH DI PERINGKAT SEKOLAH MENENGAH**

Oleh;
Hj. Shahrudin Basri Hj. Ibrahim (SMK Sultan Abdul Jalil, Kluang)
Chan Lee Chiun (Miri, Sarawak)
Muslimin Fadzil (SMK Tiram Jaya)

1. Pengenalan

Tumpuan kertas kerja ini membincangkan kaedah penggunaan buku teks yang berkesan dalam pengajaran dan pembelajaran Sejarah yang dapat meningkatkan minat dan penglibatan murid lemah secara individu. Perbincangan secara umum difokuskan kepada aspek yang berkaitan dengan konsep umum buku teks, kebaikan buku teks sebagai bahan pembelajaran untuk murid lemah dan jenis aktiviti yang digunakan.

Salah satu aspek penting yang dipertimbangkan dalam proses pengajaran dan pembelajaran ialah cara atau kaedah yang sesuai dan berkesan bagi membantu murid lemah dalam pembelajaran. Seseorang guru Sejarah bertanggungjawab memastikan murid lemah memahami dan menguasai pembelajaran Sejarah pada peringkat keupayaan dan kebolehan yang mereka miliki.

2. Kaitan Buku Teks Dengan Pembelajaran Murid Berprestasi Rendah

Buku teks Sejarah dalam konteks ini merupakan salah satu media cetak yang terpenting. Buku teks Sejarah juga digunakan sebagai bahan pembelajaran murid di sekolah menengah atas (SMA) iaitu murid Tingkatan IV

dan Tingkatan V. Buku teks ditulis berdasarkan Huraian Sukatan Pelajaran Sejarah KBSM yang baru dan diluluskan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Buku teks Sejarah mengekalkan Kesepaduan unsur pengetahuan sejarah, pemupukan nilai-nilai mumi, patriotisme dan kemahiran belajar.

2.1. Buku teks Sejarah Tingkatan 4 mengandungi 10 bab seperti berikut:-

- Tema 7 (Tamadun Awal Manusia)
- Tema 8 (Tamadun Islam dan Perkembangannya)
- Tema 9 (Perkembangan Di Eropah dan Kesannya Terhadap Ekonomi Negara)

2.2. Buku teks Sejarah Tingkatan 5 mengandungi 9 bab seperti berikut:-

- Tema 10 (Kemunculan dan Perkembangan Nasionalisme Sehingga Perang Dunia Kedua).
- Tema 11 (Pembinaan Negara dan Bangsa Ke Arah Kemunculan Negara Malaysia Berdaulat).
- Tema 12 (Malaysia dan Kerjasama Masyarakat Antarabangsa).

3. Kelebihan Buku Teks Sejarah

3.1. Buku teks mempunyai peta konsep sebagai garis kasar isi pelajaran yang boleh digunakan oleh guru dalam perancangan pelajaran, contoh seperti buku teks Ting.5, m.s. 2.

- Terdapat ringkasan dan rumusan sejumlah maklumat penting yang berkaitan dengan sesuatu bidang.
- Memudahkan murid memperoleh bahan khusus dalam bentuk yang telah disatukan.
- Menyediakan sumber maklumat yang seragam untuk semua murid.
- Memberi idea kepada guru tentang organisasi maklumat dan aktiviti yang dapat dilaksanakan dalam pengajaran dan pembelajaran.

- 3.2. Terdapat gambar, graf, peta dan bahan-bahan ilustrasi yang memudahkan pemahaman murid, contoh buku teks Ting. 5,m.s.4.
- 3.3. Terdapat lain-lain bahan pengajaran seperti ringkasan, latihan dan soalan terancang, contoh buku teks Ting.5, m.s. 7.

4. Penggunaan Buku Teks Dalam Pengajaran dan Pembelajaran


Satu aspek yang dipertimbangkan dalam penggunaan buku teks ialah kesukaran murid memahami istilah yang sukar, abstrak dan di luar pengalaman mereka. Guru Sejarah harus membantu murid merujuk buku teks secara berkesan khususnya di kalangan murid yang berprestasi rendah.

Guru Sejarah terlebih dahulu perlu merangka soalan-soalan berdasarkan tajuk yang akan diajar. Seterusnya membantu murid memilih isi-isi penting dengan menggunakan kata kunci atau kad bertema yang tercatat isinya. Guru Sejarah perlu mendidik murid menyusun maklumat yang diperolehi dan berfikir secara sistematis dalam mengisi petak lembaran kerja yang disediakan sebagai latihan. Cara terbaik memudahkan murid mengingat maklumat adalah melalui pembinaan peta minda yang menggambarkan perkembangan dan perkaitan isi penting.

Buku teks Sejarah boleh digunakan sepanjang proses pengajaran dan pembelajaran sama ada permulaan, pertengahan atau pada akhir pembelajaran.

5. Teknik Penggunaan Buku Teks Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Sejarah

Bagi memastikan pengajaran dan pembelajaran yang berlangsung dalam bilik darjah berkesan, guru digalakkan mengamalkan langkah-langkah berikut;



Terdapat juga perkara-perkara yang wajar dititikberatkan seperti:

- **Peta konsep**
- **Kemahiran berfikir kritis dan kreatif**
- **Kecerdasan pelbagai**
- **Unsur dan nilai patriotisme**
- **Kemahiran teknologi komunikasi maklumat**
- **Penggunaan bahan grafik**
- **Maklumat tambahan**
- **Pelbagai aktiviti pembelajaran yang kreatif dan inovatif**
- **Latihan-latihan**

Pada peringkat awal P&P guru wajar memberi gambaran keseluruhan (Big Picture) mengenai bab yang akan diajar dengan berpandukan peta konsep yang terdapat pada awal bab buku teks. (Rujuk buku teks sejarah ms 1, ms 37, ms 71)

Guru seterusnya membina soalan – soalan yang membawa gambaran menyeluruh serta mempunyai perkaitan antara tajuk. Gunakan pendekatan atau kaedah yang sesuai berasaskan buku teks. Bahan-bahan grafik seperti gambar, peta, carta, jadual dan gambarajah perlu digunakan secara optimum di dalam pengajaran dan pembelajaran guru bagi menarik minat dan tumpuan murid.

Guru perlu membuat rumusan dengan mengaitkan pelbagai fakta mengikut perkembangan peristiwa (event) supaya murid akan mendapat pemahaman yang jelas.

Gerak Kerja Berasaskan Buku Teks

Gerak Kerja 1

Tingkatan : IV
Bab : 4
Tajuk : Penyebaran Islam Di Makkah dan Reaksi Masyarakat Arab

Persediaan Guru

- Guru menyediakan kad-kad berwarna yang mengandungi tema-tema berkaitan dengan tajuk. Tema tersebut mengandungi kata kunci dan muka surat daripada buku teks.
- Guru mengedarkan sekeping kad berwarna kepada setiap murid yang mengandungi tema-tema.

Arahan Kepada Murid

- Dengan bimbingan guru, setiap murid dikehendaki membuka halaman berkaitan dan mencari maklumat berdasarkan tema dan kata kunci yang terdapat dalam buku teks.
- Murid berkumpul dalam kumpulan mengikut kad tema berwarna yang terdapat pada setiap individu.
- Murid dikehendaki berbincang mengenai jawapan yang dicari.
- Salah seorang daripada setiap kumpulan diminta melapor dapatan yang diperolehi.
- Wakil kumpulan dikehendaki menyusun kad di papan tulis mengikut kronologi.
- Catatan boleh dibuat dalam bentuk peta minda.

Kad Bertema

WAHYU

Pertama

- Surah :
- Perintah :

Kedua

- Surah :
- Perintah :

Rujuk Muka Surat 107-108

PENYEBARAN DI MAKKAH

Cara Rahsia

- Tempoh Masa :
- Orang terlibat :
- Tempat :

Rujuk Muka Surat 108-109

PENYEBARAN DI MAKKAH

Cara Terbuka

- Tempoh Masa :
- Orang Terlibat :
- Tempat :

Rujuk Muka Surat 108-109

PENENTANGAN TERHADAP ISLAM

Sebab Penentangan

- Perbezaan kepercayaan :
- Taraf :
- Persaudaraan :
- Amalan :
- Ekonomi :

Rujuk Muka Surat 111-112

PENENTANGAN TERHADAP ISLAM

Cara Penentangan

- Gangguan :
- Penyair :
- Pujukan :
- Pemulauan :

Rujuk Muka Surat 111-112

Jawapan Gerak Kerja 1

Kad Bertema

WAHYU

Pertama

- Surah : al- Alaq ayat 1 hingga 5
- Perintah : Membaca

Kedua

- Surah : al-Muddasir ayat 1 hingga 7
- Perintah : Sampaikan ajaran Islam

PENYEBARAN DI MAKKAH

Cara Rahsia

- Tempoh Masa : 3 tahun
- Orang terlibat : Keluarga, sahabat rapat
- Tempat : Rumah al-Arqam

PENYEBARAN DI MAKKAH

Cara Terbuka

- Tempoh Masa : 10 tahun
- Orang Terlibat : Keluarga Abdul Muttalib, Orang ramai, Ketua Bani
- Tempat : Bukit Safa

PENENTANGAN TERHADAP ISLAM

Sebab Penentangan

- Perbezaan : Kepercayaan dan amalan
- Taraf : Prinsip sama taraf
- Persaudaraan : Konsep persaudaraan/ bersaudara
- Amalan : Amalan keji dilarang
- Ekonomi : Gugat ekonomi pengukir patung

PENENTANGAN TERHADAP ISLAM

Cara Penentangan

- Gangguan : Semasa beribadat
- Penyair : Ejekan ajaran Islam
- Pujukan : Menaw arkan kedudukan, wanita, harta
- Pemulauan : Tidak berniaga, tidak beri pertolongan dan tidak berkahwin dengan keluarga nabi